



## PEMBERITAHUAN

### **PELAKSANAAN TINDAKAN SEKATAN KESELURUHAN TERHADAP KANDUNGAN SMS YANG BERUNSUR PENIPUAN BAGI MEMBANTERAS JENAYAH PENIPUAN DALAM TALIAN BERMULA 2 JULAI 2023**

**CYBERJAYA, 24 Jun 2023** --- Susulan Notis Pemberitahuan bertarikh 14 Februari 2023 berhubung tindakan sekatan serta-merta kepada mana-mana SMS yang berisi kandungan terlarang oleh Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi, Suruhanjaya akan memulakan fasa terakhir tindakan sekatan pada 2 Julai 2023.

Dalam fasa terakhir ini, Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi akan diarahkan untuk melaksanakan sekatan keseluruhan di peringkat rangkaian bagi perkhidmatan SMS melalui *Peer-to-Peer* (P2P) dan *Application-to-Person* (A2P) yang mengandungi perkara-perkara terlarang seperti berikut:

1. penggunaan pautan yang menjurus pengguna untuk klik kepada sesuatu pautan (*contoh: <https://touchngologin.cc/> atau <https://cimbk.info/>);*
2. memohon maklumat peribadi pengguna (seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor akaun perbankan dan lain-lain); dan
3. mengandungi nombor talian mudah alih atau talian tetap untuk dihubungi.

Bagi melindungi kepentingan pengguna, pengecualian akan diberikan kepada perkara-perkara melibatkan perkhidmatan perlu (*essential services*) yang diisytiharkan oleh Syarikat Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi seperti berikut:

1. Institusi kewangan;
2. Program bantuan (*Government aid*), khidmat pesanan awam dan inisiatif-inisiatif oleh Kerajaan;
3. Perkhidmatan komersial yang disediakan dengan persetujuan (*consent*) oleh pengguna;
4. Perkhidmatan kandungan mudah alih (*mobile content services*) dan perkhidmatan bernilai tambah (*value add services*);
5. Komunikasi Internet benda (*Internet of things*); dan
6. Perkara-perkara lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, Syarikat Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi digesa untuk mengambil tindakan serta-merta untuk mengisytiharkan senarai perkhidmatan-perkhidmatan SMS yang sedang ditawarkan untuk tujuan penilaian oleh Suruhanjaya **selewat-lewatnya sebelum 26 Jun 2023**. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan perkhidmatan SMS tersebut disekat di peringkat rangkaian dan SMS yang dihantar tidak boleh diterima oleh pengguna akhir.

Seperti yang diketahui umum, kes-kes penipuan dalam talian yang melibatkan kehilangan wang kini berleluasa. Selari dengan mandat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tidak lagi menggalakkan penggunaan SMS *One Time Password* (OTP), orang ramai diminta untuk memilih menggunakan saluran komunikasi dan verifikasi yang lebih selamat seperti mana teknologi *SecureTAC* dan *Secure2u*. Orang ramai disarankan untuk berhubung dengan Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi (*Telco*) masing-masing sekiranya berdepan gangguan perkhidmatan SMS selepas tarikh 2 Julai 2023.

Sebagai langkah pencegahan daripada menjadi mangsa jenayah penipuan dalam talian, orang ramai dinasihatkan agar berwaspada dan tidak menekan sebarang pautan mencurigakan yang diterima menerusi platform SMS, tidak berkongsi maklumat transaksi perbankan dan data peribadi melalui SMS, serta sentiasa berhati-hati dan meneliti sebarang kandungan SMS yang disyaki palsu atau meragukan dengan membuat semakan semula melalui organisasi yang terlibat.

Suruhanjaya menyeru orang ramai mempunyai maklumat atau menjadi mangsa penipuan siber untuk menghubungi talian Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 yang beroperasi setiap hari termasuk cuti umum, dari jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam untuk melaporkan kes jenayah penipuan siber.

Individu yang didapati menyebarkan maklumat palsu boleh dikenakan tindakan perundangan di bawah Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).